

Headline	Pendidikan seks perlu kajian bagi pastikan keberkesanan matlamat		
Date	07 Jul 2010	Language	Malay
MediaTitle	Berita Harian	Page No	19
Section	Nasional	Article Size	301 cm ²
Journalist	Abd Rahman Adam	Color	Black/white
Frequency	Daily	ADValue	4,105
Circ / Read	192,982 / 1,521,000	PRValue	12,314



Pendidikan seks perlu kajian bagi pastikan keberkesanan matlamat

Ratinawati Rasidi

PENDIDIKAN seks perlu atau tidak bukan persoalan penting, tetapi sejauh manakah pendekatan atau kaedah yang bakal digunakan untuk melaksanakannya? Sejak awal 80-an ia diperkatakan dan kini setelah lebih 20 tahun masih belum ada kaedah sesuai untuk digunakan, sebaliknya desakan agar ia dilaksanakan segera sering kedengaran menerusi media.

Apapun kajian perlu dilakukan bagi memastikan ia benar-benar bersesuaian dengan keperluan semasa. Saranan melaksanakan perkara ini sememangnya langkah positif, namun bertindak terburu-buru tanpa melakukan kajian pasti menghasilkan keputusan kurang tepat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, baru-baru ini mengakui betapa perlunya pandangan profesional dalam bidang berkaitan, khususnya psikologi dan pendidikan diperlukan sebelum memutuskan sebarang pendirian.

“Orang profesional perlu berbincang mengenai isu ini hingga ada satu kesimpulan sama ada pendidikan seks ini perlu atau tidak diperkenalkan. Jangan bergantung kepada pandangan sebelah pihak. Saya setuju dengan pendekatan segera untuk menyekat laman pornografi daripada dilayari pelajar,” katanya

Perluah kita melatah hanya kerana meningkatnya kadar masalah sosial dan pembuangan bayi sejak akhir-akhir ini? Ketua Biro Pendidikan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dr Haslinda Abdullah dalam artikelnya, ‘Pendidikan Seks di Malaysia Ke mana Hala Tujunya’, menjelaskan hasil kajian yang dilakukan pada 2006 oleh Pensyarah Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mazlin Mohamad Mokhtar menunjukkan 50 peratus daripada 727 orang pelajar institusi pengajian tinggi di-

jadikan sampel kajian pernah terbabat dalam seks.

Daripada pelajar yang pernah terbabat dalam seks itu, 80 peratus tidak menggunakan kaedah perancang keluarga. Sampel pelajar terdiri daripada pelajar dua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan dua Institusi Pengajian Tinggi

Awam (IPTA).

Laporan itu juga mendedahkan, 34 peratus daripada mereka berpendapat penggunaan kondom tidak boleh mencegah jangkitan HIV, manakala 25 peratus pula berpendapat HIV boleh dijangkiti daripada gigitan nyamuk dan kutu.

Penemuan itu juga memberikan gambaran bahawa tahap pemahaman mereka terhadap seks amat rendah, terutama mengenai jangkitan penyakit akibat hubungan seks luar nikah dan kaedah perancang keluarga.

Beliau yang juga, Ketua Laboratori Pendidikan Komuniti dan Pembangunan Belia Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata hasil kajian itu adalah realiti yang sangat mengejutkan kerana daripada konteks masalah sosial dan seks dalam kalangan belia, seolah-olah tiada bezanya antara sebuah negara sekular seperti Britain dan majoriti penduduk Islam seperti Malaysia. Kedua-duanya menunjukkan statistik yang membimbangkan.

Pakar Sosiologi Klinikal, Datuk Dr Wan Halim Othman bagaimanapun ada pandangan tersendiri.

Sambil mengakui pendidikan seks penting, cara pelaksanaan perlu mencakupi semua aspek kehidupan. Apa yang penting ialah perhubungan sosiologi dan bukan seks semata-mata yang perlu difahami kanak-kanak, remaja mahupun orang dewasa.

“Perkataan seks itu sendiri mungkin kurang sesuai untuk digunakan kerana seks bukanlah se-

mata-mata hubungan kelamin, malah ia lebih daripada itu,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Sosiologi Klinikal dan perunding bebas berkaitan jantina dan kekeluargaan yakin pendidikan seks seharusnya membabitkan faktor seperti ekonomi, sosiologi dan biologi. Ringkasnya, semua perkara dalam kehidupan manusia bersangkut paut seks.

Sebuah laman web yang memperjuangkan pencegahan HIV dan Aids atau singkatannya AVERT menjelaskan dua kaedah diperdebatkan untuk dijadikan pendekatan terbaik pendidikan seks.

Ada pihak yang memperjuangkan kaedah ‘abstinence’ atau berpantang dan ada pula yang menyokong program pendidikan seks me-

nyeluruh. Kaedah berpantang lebih menekankan remaja atau individu yang belum berkahwin agar tidak melakukan hubungan seks sehingga mereka berumah tangga. Program menyeluruh pula tidak menghalang perlakuan itu, malah cara hubungan seks selamat dan kaedah mencegah kehamilan yang tidak diinginkan turut diterapkan.

Persoalannya adakah kedua-dua kaedah ini sesuai dengan cara hidup dan budaya di negara berbilang kaum, agama dan adat seperti Malaysia. Seharusnya kita mencari pendekatan lebih sesuai dengan cara dan budaya kita. Satu titik pertemuan harus dicari dan adakah pegangan agama menjadi formula terbaik?

Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Seksual Kebangsaan 2005, anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya ini juga menggariskan pendidikan seks perlu menjadikan keselamatan dan kesejahteraan umat sebagai agenda utama dalam pelaksanaan dan berpandukan kepada rangka matlamat syariat (maqasid syariah) iaitu penekanan menjaga agama, maruah, keturunan dan mengambil kira faktor lain.